

PROFIL KUNJUNGAN DAN TAHAP KEPUASAN PEMANCING TERHADAP KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN KOLAM PANCING IKAN MARIN KO- NELAYAN LAYA-LAYA, TUARAN, SABAH

VISITOR PROFILES AND LEVEL OF SATISFACTION OF ANGLERS ON FISHING FACILITIES AND SERVICES OF THE CO-NELAYAN MARINE FISHING POND AT LAYA-LAYA, TUARAN, SABAH

Jabil Mapjabil¹, Mohammad Shazni Farhan Rasgar², Nor-Ina Kanyo³, Christina Andin⁴, Noorziah Mohd Salleh⁵, Rosmiza M.Z.⁶, Mazdi Marzuki⁷, Mohamad Pirdaus Yusoh⁸, Jeannet Stephen⁹ & Datu Razali Datu Eranza¹⁰

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: shaznifarhan@gmail.com)

³Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: norina@ums.edu.my)

⁴Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: christina@ums.edu.my)

⁵Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Kampus Sabah
(E-mel: noorziah@sabah.uitm.edu.my)

⁶Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
(E-mel: miza@ukm.edu.my)

⁷Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(E-mel: mazdi@fsk.upsi.edu.my)

⁸Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu
(E-mel: m.pirdaus@umt.edu.my)

⁹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: jeannets@ums.edu.my)

¹⁰Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: drde@ums.edu.my)

Article history

Received date : 1-9-2021
Revised date : 2-9-2021
Accepted date : 11-10-2021
Published date : 28-10-2021

To cite this document:

Jabil Mapjabil, Mohammad Shazni Farhan Rasgar, Nor-Ina Kanyo, Christina Andin, Noorziah Mohd Salleh, Rosmiza M.Z., Mazdi Marzuki, Mohamad Pirdaus Yusoh, Jeannet Stephen & Datu Razali Datu Eranza (2021). Profil kunjungan dan tahap kepuasan pemancing terhadap kemudahan dan perkhidmatan Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya, Tuaran, Sabah. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (36), 161 - 179.

Abstrak: Aktiviti memancing rekreasi adalah berpotensi besar untuk dimajukan di negeri Sabah memandangkan terdapat pelbagai lokasi semula jadi seperti laut, sungai dan kolam. Meskipun terdapat kajian memancing rekreasi di kolam terutamanya kolam buatan dan air tawar, namun belum ada kajian dilakukan dalam konteks kolam air masin. Untuk itu, kajian ini meneliti profil kunjungan dan tahap kepuasan pemancing terhadap kemudahan dan perkhidmatan memancing rekreasi di Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya (KPIMKL) di Tuaran, Sabah. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah eksploratif dan deskriptif manakala pendekatan yang digunakan adalah kaedah kuantitatif. Kajian ini turut disokong dengan kaedah kualitatif melalui temu bual mendalam dengan pengusaha KPIMKL dan temu bual tidak langsung dengan beberapa responden terpilih. Untuk temu bual menggunakan borang soal selidik, seramai 105 orang responden dipilih secara rawak dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan ciri-ciri kunjungan responden, majoritinya didominasi oleh ciri kunjungan ulangan dan secara berkumpulan, tempoh masa memancing selama 5 - 6 jam, menggunakan kereta persendirian, sumber maklumat utama adalah media sosial dan faktor tarikan memancing adalah kepelbagaian jenis dan saiz ikan di kolam pancing berkenaan. Selain itu, majoriti responden pernah menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh KPIMKL terutamanya dalam kategori Big Game. Untuk tahap kepuasan pengunjung pula, secara umumnya pengunjung didapati sangat berpuas hati, iaitu daripada 17 parameter untuk kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di KPIMKL, 10 parameter mencatatkan skor min 'sangat tinggi' (antaranya kemudahan surau, pondok rehat dan gerai makanan), enam parameter merekodkan skor min 'tinggi' (antaranya tandas, ruang aduan dan informasi serta yuran memancing) dan hanya satu parameter sahaja mencatatkan skor min 'sederhana', iaitu kemudahan tong sampah. Sebagai rumusannya, kajian memancing rekreasi di kolam pancing air masin ini dapat membantu pihak pemegang taruh khususnya Jabatan Perikanan dan pengusaha kolam pancing agar lebih komited dan proaktif dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan kemudahan kolam pancing sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Kata kunci: Ciri Kunjungan, Tahap Kepuasan, Pemancing Rekreasi, Kemudahan, Perkhidmatan, Kolam Pancing

Abstract: Recreational fishing has great potential to be developed in Sabah as there are various natural locations such as the sea, rivers and ponds. Although there are studies on recreational fishing in ponds especially artificial and freshwater ponds, no studies have yet been conducted in the context of saltwater ponds. To this end, the study examined the visitor profiles and the level of satisfaction of anglers on recreational fishing facilities and services at the Ko-Nelayan Laya-Laya Marine Fishing Pond (KPIMKL) in Tuaran, Sabah. The research design used is explorative and descriptive while the approach used is quantitative. This study is also supported by qualitative methods through in-depth interviews with KPIMKL entrepreneurs and indirect interviews with selected respondents. A total of 105 respondents were randomly selected for the survey. The results showed that for visitor profiles of the respondents which are repeat visitation and group visit, fishing time of 5 - 6 hours, using private car, main source of information are the social media, and the attraction factor is the variety of the fishing ponds and sizes of fish. In addition, the majority of respondents had participated in competitions organized by KPIMKL especially in the Big Game category. As for the satisfaction of visitors, generally visitors were found to be very satisfied, i.e. out of the 17 features for facilities and services provided at KPIMKL, 10 recorded a 'very high' mean score (including surau facilities, rest huts and food stalls), 6 recorded a 'high' mean score (including toilets, complaints and information spaces, as well as fishing fees) and only one feature recorded a 'moderate' mean

score, that is, the rubbish bins facility. In summary, the study of recreational fishing at this saltwater fishing pond will assist the stakeholders especially the Fisheries Department and fishing pond operators to be more committed and proactive in ensuring that the quality of fishing services and facilities are always at their best.

Keywords: Visitation Features, Satisfaction Level, Recreational Anglers, Facilities, Services, Fishing Ponds

Pengenalan

Rekreasi merupakan aktiviti yang dilakukan pada masa lapang dengan perasaan yang seronok, menyenangkan serta rasa bahagia yang berkait rapat dengan aspek kualiti hidup (Hansen, 2018). Rekreasi adalah sinonim dengan aktiviti santai (*relaxation*), berehat daripada aktiviti dan komitmen kerja untuk memulihkan tenaga. Justeru, keadaan ini berhubung rapat dengan aspek kesihatan mental dan fizikal seseorang (Koppen et al. 2014). Hansen (2020) menegaskan rekreasi adalah aktiviti masa lapang yang membawa keseronokan dan kesejahteraan mental dan jasmani. Menurut Arlinghaus et al. (2021), semakin sesebuah negara bertambah maju dan penduduknya memiliki pendapatan yang lebih tinggi, penduduknya didapati berkemampuan untuk membelanjakan lebih sumber mereka terhadap aktiviti masa lapang dan rekreasi. Salah satu aktiviti rekreasi pada masa lapang adalah aktiviti menangkap ikan untuk keseronokan (Pitcher & Hollingworth, 2002).

Secara umumnya, memancing rekreasi adalah suatu aktiviti menangkap ikan sebagai satu pekerjaan, hobi, sukan aktiviti luar (*outdoor*) atau kegiatan di pinggir atau di tengah tasik, laut, sungai dan perairan lainnya. Arlinghaus et al. (2007) menegaskan aktiviti menangkap ikan yang tujuan utamanya bukan untuk menghasilkan produk makanan atau menjana pendapatan untuk dijual lazimnya dikenali sebagai memancing rekreasi atau *angling*. Menurut Demirci et al. (2018), konsep memancing rekreasi meliputi aspek hobi, hiburan, pelancongan dan aktiviti masa lapang. Mereka yang terlibat dalam perikanan rekreasi dikenali sebagai pemancing rekreasi (Ditton & Hunt, 1996).

Untuk memahami konsep memancing rekreasi dengan lebih jelas lagi, Kauppila dan Karjalainen (2012) mengemukakan model hubungan antara aktiviti memancing, masa lapang, rekreasi dan pelancongan yang diubah suai daripada model asal oleh Hall dan Page (2006). Model ini bermula dengan konsep 'masa yang terluang' yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu masa kerja dan masa lapang. Klasifikasi ini bergantung kepada perspektif perkara yang dirujuk, iaitu sama ada memancing adalah sebagai aktiviti kerja (*commercial fishing*) atau aktiviti masa lapang, contohnya memancing sara diri (*subsistence fishing*), memancing rekreasi tempatan (*local recreational fishing*) serta pelancongan memancing (*fishing tourism*) atau memancing semasa melancong (*tourism fishing*).

Menurut Arlinghaus et al., (2019), aktiviti memancing rekreasi melibatkan berjuta-juta orang di seluruh dunia serta menjana berbilion dolar A.S. (USD) dalam pelbagai sektor. Daripada konteks sosial dan ekonomi, aktiviti memancing rekreasi menyumbang kepada kesejahteraan individu pemancing rekreasi dan industri yang bergantung kepada aktiviti berkenaan, membiayai pengurusan perikanan rekreasi dan memupuk penglibatan aktif masyarakat awam dengan proses semula jadi dan pemuliharaan biodiversiti (Arlinghaus et al., 2019). Kajian Morales-Nin et al. (2021) menunjukkan kira-kira 73% responden diklasifikasikan mereka yang

memancing di kawasan air laut, sementara itu, sekitar 40% memancing di kawasan air tawar dan 13% pula menyatakan mereka memancing di kedua-dua persekitaran berbeza tersebut, iaitu air masin dan air tawar.

Sehubungan dengan itu, salah satu lokasi memancing rekreasi yang popular adalah memancing di kolam buatan manusia atau semula jadi sama ada air tawar mahupun air masin. Menurut Elliot (2004), kolam pancing umumnya terletak di kawasan pedalaman kerana pengusaha kolam menggunakan tanah persendirian untuk membuka kolam berbayar. Bagi pemancing rekreasi, mereka mempunyai pilihan untuk memancing di tempat berbayar seperti kolam pancing yang dibuka kepada orang awam. Selain itu, terdapat kolam pancing air masin yang dibina dan bertujuan untuk aktiviti memancing rekreasi. Kolam pancing air masin lazimnya dibina berdekatan dengan kawasan air laut bagi memudahkan sistem pengaliran air masuk ke dalam kolam yang dibina.

Di Malaysia, kajian memancing rekreasi di kolam air tawar telah dikaji oleh Eliah et al. (2011) dan Mohd Azim (2015). Namun begitu, kedua-dua kajian ini dijalankan di kolam air tawar. Manakala kajian di kolam pancing air masin belum pernah dikaji sebelum ini. Hal ini mendorong pengkaji untuk membuat penyelidikan aktiviti memancing rekreasi di kolam pancing air masin, iaitu di Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya (KPIMKL), Tuaran, Sabah. Sejarar dengan itu, kajian dimensi manusia untuk memahami sikap, norma dan tingkah laku pemancing telah berkembang sejak tahun 1970-an sebagai tindak balas terhadap kesedaran oleh pengurus bahawa mereka mengurus manusia, bukan ikan (Arlinghaus, 2004; Parkkila et al., 2010). Untuk itu, peneliti ingin mengkaji aspek manusia dengan memberikan tumpuan terhadap ciri-ciri pemancing rekreasi dan kepuasan mereka terhadap kemudahan yang disediakan di sesebuah kolam pancing air masin. Berdasarkan permasalahan kajian tadi, objektif kajian adalah seperti berikut;

- i. mengenal pasti ciri-ciri kunjungan pemancing rekreasi di Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya (KPIMKL), Tuaran, Sabah.
- ii. meneliti tahap kepuasan pemancing rekreasi terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di KPIMKL.

Aktiviti Memancing Rekreasi di Malaysia: Sorotan Literatur

Di Malaysia, kajian tentang aktiviti memancing rekreasi mula didokumentasikan melalui penyelidikan di peringkat sarjana yang berkaitan dengan potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin, Pahang (Ismail, 2007). Kajian ini mendapati bahawa Kuala Rompin adalah berpotensi untuk dijadikan sebagai salah sebuah destinasi tarikan pelancongan melalui aktiviti memancing laut dalam. Sehubungan dengan itu, Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) merupakan penganjuran pertandingan memancing ikan layaran peringkat antarabangsa yang terkenal di Malaysia dan antarabangsa. Pada awal penganjurannya, RPBIC berjaya menarik penyertaan seramai 66 orang peserta dari negara Malaysia, Singapura dan Zimbabwe dengan menggunakan 30 buah bot sewa. Pada tahun 2005, bilangan peserta telah meningkat kepada 100 orang dengan peningkatan penyertaan dari beberapa negara seperti Singapura, Filipina, China, Kanada, United Kingdom, Australia dan Jepun (Ismail, 2007).

Selepas kajian yang dijalankan oleh Ismail pada tahun 2007, kajian berikutnya disusuli oleh Eliah et al. pada tahun 2011. Namun begitu, penelitian oleh pengkaji mendapati perkembangan penyelidikan aktiviti memancing rekreasi di Malaysia bukan dipengaruhi oleh trend musiman

di peringkat kebangsaan ataupun trend penyelidikan di peringkat antarabangsa tetapi lebih disebabkan oleh faktor komitmen penyelidikan dalam pengajian pascasiswazah (Ismail, 2017) dan kumpulan penyelidik untuk satu-satu projek jangka pendek sahaja (Eliah et al., 2011; Alias et al., 2014). Untuk itu, pengkaji membuat tinjauan literatur aktiviti memancing rekreasi di Malaysia berdasarkan kesamaan tema dan isu yang dikaji, iaitu konsep aktiviti memancing dan kaitannya dengan pelancongan (Mohd Zulhalmi et al., 2015; Alias et al., 2014), aktiviti memancing laut dalam (Ismail, 2007; Jabil et al., 2020b), aktiviti memancing pinggir pinggir pantai (Jabil et al., 2020a), aktiviti memancing di kolam buatan manusia (Eliah et al., 2011; Mohd Azim, 2015) dan pertandingan memancing peringkat tempatan (di kolam dan pinggir laut) oleh Jabil et al. (2020c)(Jadual 1).

Aktiviti Memancing Rekreasi Sebagai Tarikan Pelancongan

Tema pertama yang diteliti adalah konsep aktiviti memancing dan kaitannya dengan pelancongan (Mohd Zulhalmi et al., 2015; Alias et al., 2014). Mohd Zulhalmi et al. (2015) membuat suatu tinjauan konseptual tentang aktiviti memancing sebagai tarikan pelancongan dengan menjelaskan konsep, segmentasi dan potensi penyelidikan pelancongan memancing di Malaysia. Konsep yang diberi penekanan adalah konsep aktiviti memancing, masa lapang, rekreasi dan pelancongan. Ciri segmentasi yang diteliti pula melibatkan pengusaha bot, profil pelancong memancing dan lokasi memancing. Hasil tinjauan literatur mendapati aktiviti memancing masih berada pada peringkat penerokaan. Potensi untuk kajian berkaitan dengan aktiviti memancing rekreasi ini masih terbuka luas kerana masih banyak lokasi memancing yang belum diteroka untuk kajian dan penulisan ilmiah.

Pengkaji lain yang turut menggunakan konsep pelancongan memancing ialah Alias et al. (2014), iaitu kajian tentang aktiviti pelancongan memancing dengan menggunakan pendekatan lestari di Tasik Kenyir, Terengganu. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pendekatan lestari dalam pelancongan memancing melalui kaedah kualitatif dengan pihak berkepentingan dalam aktiviti penangkapan ikan. Hasil kajian mendapati beberapa strategi perlu dilaksanakan dalam aspek pengurusan tasik untuk mengawal stok ikan dan seterusnya memulihara sumber alam. Kajian ini menyumbang terhadap pemahaman yang lebih baik untuk aktiviti memancing khususnya memancing rekreasi. Dapatan kajian ini turut dapat membantu kerajaan dan pihak pemegang taruh yang berkaitan untuk membangunkan lebih banyak destinasi pelancongan memancing rekreasi di negara ini. Kajian Alias et al. (2014) ini satu-satunya melibatkan lokasi kajian di tasik, berbanding yang lain yang melibatkan laut dalam (Ismail, 2007; Jabil et al., 2020a), pinggir pantai (Jabil et al., 202b) dan kolam buatan dan air tawar (Eliah et al. 2011; Mohd Azim (2015).

Aktiviti Memancing Rekreasi di Laut Dalam

Tema kedua penyelidikan berkaitan dengan aktiviti memancing rekreasi di Malaysia adalah aktiviti memancing laut dalam (Ismail, 2007; Jabil et al., 2020b). Kajian berasaskan tesis sarjana oleh Ismail (2007) adalah kajian perintis di negara ini dengan memberikan tumpuan terhadap potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan seperti yang dihuraikan pada awal tinjauan literatur ini. Pengkaji aktiviti memancing rekreasi laut dalam yang seterusnya ialah Jabil et al. (2020b). Namun begitu, fokus kajian mereka tertumpu kepada penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam aktiviti memancing rekreasi mahupun komersial. Kajian ini meneliti tentang penglibatan pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing rekreasi laut dalam di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan 15 orang informan dalam kalangan pengusaha dan pekerja kapal sewaan aktiviti memancing

rekreasi. Terdapat empat jenis penglibatan pengusaha kapal sewaan bagi aktiviti memancing rekreasi laut dalam, iaitu pengurusan, perkhidmatan, pertandingan dan penjanaan ekonomi. Daripada segi perkhidmatan, hal ini meliputi aspek pakej, tempahan dan lokasi aktiviti memancing. Dari aspek penglibatan dalam pertandingan pula, majoriti pengusaha kapal melibatkan diri dalam aktiviti pertandingan memancing peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Persatuan Pengail Sabah (SAA) setiap tahun. Seterusnya penglibatan dalam penjanaan ekonomi menunjukkan keuntungan perusahaan kapal yang diperolehi dikira berdasarkan hasil daripada sewaan pemancing rekreasi manakala penjanaan ekonomi bagi kapten kapal dan krew kapal pula dikira berdasarkan gaji sebulan dan pemberian komisen setiap kali turun ke laut.

Aktiviti Memancing Rekreasi di Pinggir Pantai

Kajian aktiviti memancing rekreasi di pinggir pantai telah dijalankan oleh Jabil *et al.* (2020a). Kajian ini adalah berkaitan dengan profil dan motif pemancing dalam aktiviti memancing rekreasi pantai di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melibatkan seramai 60 orang responden. Hasil kajian menunjukkan profil pemancing rekreasi pantai di Kota Kinabalu adalah daripada pelbagai latar belakang yang berbeza. Daripada 15 motif yang dikaji, sebanyak lima motif pemancing rekreasi pantai yang mencatatkan min tertinggi, iaitu lokasi memancing yang dekat (4.48), minat terhadap aktiviti memancing (4.34), peralatan memancing mudah diperolehi (4.30), kemudahan awam adalah lengkap (4.28) dan bayaran memancing adalah murah (4.25). Untuk itu, inisiatif dan komitmen yang konsisten adalah mustahak dalam merealisasikan potensi Kota Kinabalu sebagai salah satu destinasi aktiviti memancing rekreasi yang popular.

Aktiviti Memancing Rekreasi di Kolam Buatan Manusia

Untuk kajian memancing rekreasi di kolam, terdapat dua kajian pernah dilakukan iaitu Eliah *et al.* (2011) dan Mohd Azim (2015). Kedua-dua kajian ini dijalankan di kolam air tawar. Eliah *et al.* (2011) meneliti tentang kepentingan sumber ekonomi ikan di kolam pancing melalui suatu hubungan pengeluaran barangan dan perkhidmatan dengan penentuan nilai ekonomi sumber ikan yang diperolehi dari perusahaan kolam pancing. Kaedah *Contingent Valuation Method* (CVM) diguna untuk mendapatkan nilai ekonomi memancing ikan di kolam pancing dalam konteks ekopelancongan di negeri Pahang. Borang soal selidik disediakan untuk menemu bual pemancing rekreasi untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan profil sosioekonomi pemancing, yuran bayaran masuk ke kolam, harga pasaran ikan di kolam, kos memancing dan perjalanan, jenis dan spesis ikan dan kesanggupan membayar (*willingness to pay* - WTP). Seramai 53 orang responden dari kolam pancing yang terletak di sekitar daerah Raub, Kuala Lipis, Kuantan, Pekan, Maran dan Jerantut di negeri Pahang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan yuran sekali masuk untuk tiga (3) jam adalah antara RM12.00 - RM100.00 dengan purata WTP sebanyak RM32.94. Manakala bayaran sebenar sekali masuk untuk tempoh yang sama adalah antara RM10.00 - RM36.00, dengan puratanya RM18.00. Dari segi fungsi regresi, pemboleh ubah seperti bilangan lawatan bulanan dan yuran masuk didapati berkorelasi positif dengan WTP, manakala umur berkorelasi negatif. Perkembangan aktiviti memancing di kolam pancing dan kesanggupan membayar pemancing ikan tawar ini berpotensi dalam meningkatkan pemuliharaan biodiversiti hutan serta sungai di dalamnya. Ini dapat mengurangkan tekanan kepupusan sumber ikan air tawar di sungai dalam hutan bagi memberi peluang untuk sumber ikan air tawar ini membiak.

Kajian lain aktiviti memancing rekreasi di kolam turut dijalankan oleh Mohd Azim (2015). Kajian beliau lebih menumpukan terhadap isu sosiologi tema memancing yang melibatkan memancing rekreasi. Kajian ini turut menentukan tahap keutamaan tema memancing yang biasa dikaitkan motif memancing. Dalam kajian ini, seramai 100 orang responden memancing rekreasi telah ditemu bual. Soalan yang disediakan melibatkan 17 tema. Daripada jumlah itu, sebanyak 14 tema menunjukkan responden 'bersetuju' dengan pernyataan yang diberikan. Dapatan kajian ini turut mendapati hampir kesemua responden menyatakan 'bersetuju' untuk memilih aktiviti memancing rekreasi sebagai suatu aktiviti bersantai bersama keluarga, melepaskan tekanan di tempat kerja, bertemu rakan-rakan, meningkatkan kemahiran menangkap ikan dan menikmati keindahan alam semula jadi. Namun begitu, sebahagian daripada mereka menyertai aktiviti memancing rekreasi untuk mendapatkan hadiah *jackpot* yang ditawarkan oleh pemilik kolam pancing, iaitu bagi memancing yang berjaya menangkap ikan yang paling besar. Sebaliknya, majoriti responden 'tidak bersetuju' dengan pernyataan menghabiskan masa dengan keluarga semasa memancing, menjual semua ikan yang telah ditangkap sebagai sumber pendapatan dan melepaskan semua ikan yang telah ditangkap sebagai kepuasan dalam aktiviti memancing. Hasil kajian itu merumuskan bahawa pihak kerajaan dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) perlu meningkatkan tahap pengurusan perikanan rekreasi di Malaysia dengan mengetahui tema sebenar yang dikehendaki oleh memancing rekreasi.

Pertandingan Memancing Peringkat Tempatan

Meskipun terdapat banyak penganjur dalam pertandingan memancing dijalankan di pelbagai peringkat, sama ada kelab atau persatuan, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa, namun kajian berkaitan dengan pertandingan memancing di Malaysia masih kurang dan terhad. Salah satu kajian berkaitan dengan pertandingan memancing di peringkat tempatan telah dijalankan oleh Jabil et al. (2020c). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil dan motif peserta yang terlibat dalam pertandingan memancing di peringkat tempatan dengan merujuk kajian kes di Kota Kinabalu dan Bongawan. Metode kajian yang digunakan ialah temu bual menggunakan borang soal selidik, temu bual tidak langsung dan pemerhatian di kawasan kajian. Dalam konteks profil memancing, majoriti peserta pertandingan memancing tempatan menggunakan satu batang joran sahaja, mementingkan jenama pancing tertentu serta mengutamakan kualitinya. Dari segi kos untuk membeli satu set pancing ialah RM300 ke bawah manakala kos untuk menyertai pertandingan memancing peringkat tempatan pula adalah RM200 dan ke bawah. Namun begitu, majoriti responden tidak menyertai mana-mana kelab memancing (85%). Untuk motif menyertai pertandingan memancing tempatan pula, faktor minat mencatatkan 4.37 iaitu skor min dalam kategori 'sangat tinggi'. Terdapat tujuh faktor yang mencatatkan motif yang 'tinggi' (min 3.43 - 3.93), antaranya menyertai pertandingan kerana ada masa lapang, nilai hadiah dan bilangan kategori hadiah yang ditawarkan. Seterusnya, empat faktor dalam tahap 'sederhana' (min 3.12 - 3.28) seperti dorongan keluarga, yuran pertandingan berpatutan dan faktor reputasi penganjur. Namun begitu, kewujudan kelab memancing didapati adalah faktor terendah (2.58). Hasil kajian ini relevan dalam memberikan manfaat kepada komuniti sebagai suatu amalan cara hidup yang sihat, mampu menjana pendapatan lumayan kepada penganjur pertandingan serta dokumentasi berguna untuk aktiviti memancing rekreasi dan sukan memancing negara.

Jadual 1: Tema Penyelidikan Aktiviti Memancing Rekreasi di Malaysia

Tema	Penyelidik	Tajuk kajian	Isu yang dikaji
Konsep pelancongan memancing	Mohd Zulhalmi et al. (2015)	Pelancongan memancing : Konsep, segmentasi dan potensi penyelidikan di Malaysia	Konsep aktiviti memancing dari segi segmentasi dan potensi penyelidikan di Malaysia.
Pelancongan memancing di tasik	Alias et al. (2014)	<i>Sustainabale approach of fishing tourism in Kenyir Lake</i>	Pendekatan lestari dalam pelancongan memancing di Tasik Kenyir.
Memancing laut dalam	Ismail Mudin (2007)	Potensi memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin	Kajian ini meneliti potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin, Pahang.
Memancing laut dalam	Jabil et al. (2020a)	Penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam aktiviti memancing rekreasi laut dalam di Kota Kinabalu, Sabah.	Penglibatan pengusaha kapal sewaan laut dalam adalah dalam aspek pengurusan, perkhidmatan, pertandingan dan penjanaaan ekonomi.
Memancing pinggir pantai	Jabil et al. (2020b)	Profil dan motif pemancing dalam aktiviti memancing rekreasi pantai di Kota Kinabalu	Kajian ini meneliti profil aktiviti memancing dan motivasi yang mendorong mereka memancing di pinggir pantai.
Kolam pancing buatan manusia	Elijah et al. (2011)	Kajian ekonomi rekreasi memancing ikan di kolam pancing	Kesanggupan membayar di kolam pancing di lima daerah di negeri Pahang.
Kolam pancing buatan manusia	Mohd Azim (2015)	<i>Sociological study of fishing themes commonly sought by recreational anglers</i>	Meninjau beberapa tema dalam memancing rekreasi di kolam pancing di Semenyih, Selangor.
Pertandingan memancing tempatan (kolam & pinggir laut)	Jabil et al. (2020c)	Profil dan motif pemancing dalam pertandingan memancing peringkat tempatan	Kajian ini meneliti profil pemancing dan motif yang mendorong pemancing menyertai pertandingan memancing peringkat tempatan.

Metodologi Kajian

Menurut Creswell dan Creswell (2017), reka bentuk kajian merupakan satu pelan tindakan secara terperinci tentang cara sesuatu kajian itu dijalankan. Pelan ini berperanan sebagai panduan membantu penyelidik dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah eksploratif dan deskriptif. Idea utama dalam reka bentuk eksploratif adalah mengukur persepsi, pendapat dan sikap yang berbentuk subjektif daripada pengumpulan data berskala besar yang menggunakan data kuantitatif dengan analisis deskriptif (Othman, 2013). Oleh itu, kajian berbentuk eksplorasi dan tinjauan ini sesuai dan relevan digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Pendekatan yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dan disokong dengan data kualitatif melalui temu bual mendalam dengan pengusaha kolam pancing dan temu bual tidak langsung dengan beberapa responden terpilih. Untuk temu bual menggunakan borang soal selidik, seramai 105 orang responden dipilih secara rawak dari kalangan pengunjung yang memancing di Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya (KPIMKL), Tuaran, Sabah.

Untuk menentukan tahap kepuasan pemancing rekreasi terhadap aspek kemudahan dan perkhidmatan di KPIMKL, jawapan responden adalah berdasarkan skala likert 5 mata, iaitu 1 = sangat tidak memuaskan, 2 = kurang memuaskan, 3 = sederhana, 4 = memuaskan dan 5 = sangat memuaskan. Terdapat 17 parameter berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan di kolam pancing yang telah ditetapkan. Seterusnya, jawapan responden tersebut ditafsirkan mengikut lima skala skor min, iaitu skala ‘sangat rendah’ (1.00 - 1.80), ‘rendah’ (1.81 - 2.60), ‘sederhana’ (2.61 - 3.40), ‘tinggi’ (3.41 - 4.20) dan ‘sangat tinggi’ (4.21 - 5.00). Untuk tafsiran skor min ini, kajian ini menggunakan kaedah yang dikemukakan oleh Alias (1999)(Jadual 2).

Jadual 2: Tafsiran Skor Min

Julat	Tahap
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.42 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Alias (1999).

Kawasan Kajian

Tuaran merupakan sebuah daerah yang terletak di pantai barat laut Sabah. Bandar Tuaran terletak sekitar 34 km dari Kota Kinabalu. Daerah ini memiliki keluasan lebih kurang 450 batu persegi dan mempunyai 212 buah kampung. Penyelidik menjalankan kajian di Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya Tuaran, Sabah. Kolam Pancing Ikan Marin ini terletak di Kampung Laya-Laya. Jarak antara bandar Tuaran dan Kampung Laya-Laya adalah 15 kilometer. Kampung Laya-Laya terletak di kedudukan latitud 6.0803211000° dan longitude 116.2068354000°. Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan ini siap dibina pada tahun 2016

dengan keluasan 8,630 meter persegi. Sumber air kolam ini didapati melalui aliran air laut yang berdekatan dengan kolam ini. Kolam ini berbentuk segiempat (Foto 1).



Foto 1: Imej Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya Tuaran
 Sumber: Google Earth (2019).

Dapatan Kajian

Profil Demografik Responden

Jadual 3 menunjukkan profil demografik terpilih untuk 105 responden yang terlibat dengan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden adalah lelaki, iaitu seramai 92 orang responden (87.6%) dan bakinya seramai 13 orang (12.4%) adalah responden perempuan. Kaum lelaki lebih ramai terlibat dalam aktiviti memancing rekreasi berbanding perempuan kerana aktiviti ini lebih sinonim dengan golongan lelaki. Dari segi status perkahwinan, seramai 80 orang (76.2%) adalah bujang, 22 orang (21.0%) sudah berkahwin dan bakinya seramai 3 orang (2.9%) berstatus duda, janda atau balu. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden adalah berbangsa Bajau Sama / Ubian iaitu sebanyak 34.3% (36 orang), diikuti dengan lain-lain bangsa seperti India, Cina, Iranun dan Murut, iaitu 29.5% (31 orang). Seterusnya, responden berbangsa Dusun sebanyak 13.3% (14 orang), Bugis 12.4% (13 orang) dan disusuli dengan Kadazan, iaitu sebanyak 10.5% (11 orang).

Daripada segi umur, responden dalam lingkungan 21 - 30 tahun melibatkan 36 orang (34.3%), diikuti dengan mereka yang berumur antara 41 hingga 50 tahun, iaitu 33 orang (31.4%). Seterusnya responden dalam lingkungan umur 31 - 40 tahun serta 50 tahun dan ke atas masing-masing mencatatkan 19 orang (18.1%) dan 12 orang (11.5%) manakala bakinya seramai 5 orang (4.8%) berumur 20 tahun dan ke bawah. Selain itu, majoriti responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat menengah iaitu sebanyak 55.2% (62 orang) dan diikuti dengan mereka yang berpendidikan di peringkat tinggi, iaitu 21.0% (26 orang). Seterusnya, sebanyak 3.8% (4 orang) mempunyai tahap pendidikan selain daripada yang disenaraikan seperti mendapat tahap

pendidikan di peringkat sijil dan kemahiran. Manakala responden yang mendapat pendidikan sekolah rendah adalah sebanyak 2.9% (8 orang) serta responden yang tidak bersekolah adalah sebanyak 1.9% (5 orang).

Jadual 3: Profil Demografik Responden

Ciri Demografik	Kriteria	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	92	87.6
	Perempuan	13	12.4
Status perkahwinan	Bujang	80	76.2
	Berkahwin	22	21.0
	Duda / janda / balu	3	2.9
Bangsa	Bajau Sama / Ubian	36	34.3
	Dusun	14	13.3
	Kadazan	11	10.5
	Bugis	13	12.4
	Lain-lain bangsa	31	29.5
Umur	20 tahun dan ke bawah	5	4.8
	21 – 30 tahun	36	34.3
	31 – 40 tahun	19	18.1
	41 – 50 tahun	33	31.4
	50 tahun dan ke atas	12	11.5
Pendidikan	Tinggi	26	24.8
	Menengah	62	59.1
	Rendah	8	7.6
	Pendidikan sijil & kemahiran	4	3.8
	Tiada pendidikan formal	5	4.8
Pekerjaan	Penjawat awam	25	23.8
	Penjawat swasta	10	9.5
	Peniaga / Usahawan	21	20.0
	Bekerja sendiri	31	29.5
	Pesara	6	5.7
	Suri rumah	8	7.6
	Pelajar	4	3.8

Untuk latar belakang pekerjaan, responden yang bekerja sendiri mencatatkan peratusan yang tertinggi, iaitu sebanyak 29.5% (31 orang) diikuti dengan pegawai kerajaan iaitu sebanyak 23.8% (25 orang). Seterusnya responden yang bekerja sebagai peniaga mencatatkan 20.0% (21 orang). Bagi responden yang bekerja sebagai pegawai swasta mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 9.5% (10 orang), disusuli dengan bekerja sebagai suri rumah iaitu sebanyak 7.6% (8 orang). Manakala bagi golongan pesara adalah sebanyak 5.7% (6 orang) dan sebanyak 3.8% (4 orang) adalah pelajar.

Ciri Kunjungan Responden ke KPIMKL

Berdasarkan Jadual 4, majoriti responden yang datang ke Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya (KPIMKL) adalah dari kategori kunjungan ulangan iaitu seramai 87 orang (82.9%). Manakala reponden yang berkunjung buat pertama kali adalah seramai 18 orang

(17.1%). Kebanyakan pengunjung ulangan yang datang ke kolam pancing ini adalah pengunjung yang kebiasaannya mengikuti pertandingan memancing yang diadakan di KPIMKL, tidak kira sama ada pertandingan yang dianjurkan itu adalah *Small Game*, *Medium Game*, *Big Game* mahupun *JP Strike*. Daripada aspek jenis kunjungan, analisis menunjukkan sebanyak 57.1% (60 orang) adalah kunjungan secara berkumpulan manakala kunjungan bersama keluarga mencatatkan sebanyak 22.9% (24 orang). Untuk jenis kunjungan secara bersendirian pula merekodkan sebanyak 20% (21 orang).

Untuk profil tempoh masa memancing di KPIMKL, majoriti responden memancing dalam tempoh 5 hingga 6 jam, iaitu seramai 82 orang (78.1%). Manakala untuk tempoh masa 1 - 2 jam dan 3 - 4 jam masing-masing mencatatkan 8 orang (7.6%) dan 11 orang (10.5%). Hanya empat orang responden (3.8%) yang memancing di KPIMKL dalam tempoh 6 jam dan ke atas. Untuk aktiviti memancing rekreasi ke KPIMKL, majoriti responden menggunakan kereta persendirian, iaitu 82 orang (78.1%). Selain itu, terdapat responden yang menggunakan motorsikal seramai 14 orang (13.3%) dan bakinya seramai sembilan orang (8.6%) pula menggunakan lain-lain mode pengangkutan seperti berjalan kaki, berbasikal, van dan bas persiaran.

Jadual 4: Ciri Kunjungan Responden ke KPIMKL

Ciri Kunjungan	Kriteria	Frekuensi	Peratus (%)
Kategori kunjungan	Kunjungan pertama kali	18	17.1
	Kunjungan ulangan	87	82.9
Bentuk kunjungan	Berkumpulan	60	57.1
	Bersama keluarga	24	22.9
	Bersendirian	21	20.0
Tempoh masa memancing	1 – 2 jam	8	7.6
	3 – 4 jam	11	10.5
	5 – 6 jam	82	78.1
	6 jam dan ke atas	4	3.8
Mode pengangkutan ke KPIMKL	Kereta persendirian	82	78.1
	Motorsikal	14	13.3
	Lain-lain (basikal, van, bas dll.)	9	6.7
Sumber informasi tentang KPIMKL	Media sosial (<i>Facebook</i> dll.)	50	47.6
	Saudara & rakan	41	39.0
	Risalah / brosur	5	4.8
	Akhbar / majalah / buku	5	4.8
	Lain-lain (<i>banner</i> , agensi dll.)	4	3.8
Tarikan utama di KPIMKL	Pelbagai jenis & saiz ikan	50	47.6
	Hadiah pertandingan ditawarkan	37	35.2
	Lokasi kolam yang strategik	9	8.6
	Kolam yang semula jadi	5	4.8
	Bayaran sewaan yang berpatutan	4	3.8
Pertandingan memancing KPIMKL	Pernah menyertai	102	97.1
	Tidak pernah menyertai	3	2.9
	<i>Big Game</i>	49	46.7
	<i>Medium Game</i>	29	27.6

Jenis pertandingan memancing yang disertai	<i>Small Game</i>	26	24.8
	<i>JP Strike</i>	1	0.9

Seterusnya, seramai 50 orang responden (47.6%) memperoleh informasi tentang Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya (KPIMKL) melalui media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp*, *Instagram* dan lain-lain. Selain itu, seramai 41 orang (39.0%) menerima maklumat melalui saudara mara dan rakan mereka. Manakala bagi kedua-dua sumber maklumat, iaitu melalui risalah atau brosur serta surat khabar, majalah dan buku menunjukkan jumlah responden yang sama iaitu masing-masing seramai 5 orang (4.8%). Akhir sekali, lain-lain sumber adalah 4 orang (3.9%) seperti informasi melalui *banner* yang digantung di tepi-tepi jalan raya dan melalui agensi pelancongan.

Tarikan utama yang mendorong pemancing rekreasi berkunjung ke KPIMKL adalah disebabkan oleh kolam pancing ini menyediakan pelbagai jenis dan saiz ikan yang boleh dipancing, iaitu pilihan 50 orang responden (47.6%). Manakala bagi 37 orang responden (35.2%) yang lain, faktor hadiah yang ditawarkan semasa pertandingan memancing rekreasi di kolam pancing ini menjadi tarikan utama mereka berkunjung ke situ. Faktor tarikan yang seterusnya adalah disebabkan lokasi yang strategik iaitu pilihan sembilan orang responden (8.6%) manakala seramai lima orang (4.8%) pula menyatakan faktor yang mendorong mereka ke kolam pancing berkenaan adalah disebabkan oleh kolam semula jadinya. Selebihnya, iaitu empat orang responden (3.8%) berpendapat faktor bayaran sewaan yang berpatutan mendorong mereka datang memancing ke KPIMKL.

Daripada segi penyertaan responden dalam pertandingan memancing, dapatan kajian menunjukkan seramai 102 orang responden (97.1%) menyatakan mereka pernah mengikuti pertandingan memancing yang dianjurkan oleh pengusaha KPIMKL. Manakala bakinya seramai tiga orang responden (2.9%) menyatakan mereka tidak pernah menyertai pertandingan memancing yang dianjurkan di kolam pancing berkenaan. Sehubungan dengan itu, majoriti responden menyertai pertandingan *Big Game*, iaitu seramai 49 orang (46.7%). Manakala untuk pertandingan *Medium Game* dan *Small Game* masing-masing mencatatkan seramai 29 orang (27.6%) dan 26 orang responden (24.8%). Namun begitu, hanya satu orang sahaja responden (0.9%) yang pernah menyertai pertandingan memancing *JP Strike* di kolam pancing ini.

Tahap Kepuasan Pemancing Terhadap Kemudahan dan Perkhidmatan

Jadual 5 menunjukkan tahap kepuasan responden terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya (KPIMKL), Tuaran. Analisis skor min tahap kepuasan responden disusun mengikut urutan skala 'sangat tinggi' sehingga ke skala 'sederhana'. Dapatan kajian menunjukkan terdapat sepuluh kemudahan dan perkhidmatan yang disenaraikan mencatatkan skor min skala 'sangat tinggi', iaitu tahap kebersihan dan keceriaan persekitaran kolam (4.79), kepelbagaian jenis dan saiz ikan dalam kolam (4.76), kemudahan surau (4.53), kemudahan bekalan air dan elektrik (4.52), pondok rehat (4.47), gerai makanan dan minuman (4.41), kemudahan ruang untuk memancing (4.39), keselamatan persekitaran kolam pancing (4.38), kemudahan tempat letak kenderaan (4.25) dan kemudahan kaunter pembayaran (4.24).

Jadual 5: Tahap Kepuasan Pemancing Terhadap Kemudahan dan Perkhidmatan di KPIMKL

Kemudahan dan Perkhidmatan	Min	Skala
Kebersihan dan keceriaan persekitaran kolam	4.79	Sangat Tinggi
Kepelbagaian jenis dan saiz ikan dalam kolam	4.76	Sangat Tinggi
Surau	4.53	Sangat Tinggi
Bekalan air dan elektrik	4.52	Sangat Tinggi
Pondok rehat	4.47	Sangat Tinggi
Gerai makanan dan minuman	4.41	Sangat Tinggi
Ruang untuk memancing	4.39	Sangat Tinggi
Keselamatan persekitaran kolam pancing	4.38	Sangat Tinggi
Ruang tempat letak kenderaan	4.25	Sangat Tinggi
Kaunter pembayaran	4.24	Sangat Tinggi
Kedudukan dan lokasi kolam pancing	4.12	Tinggi
Tandas	4.12	Tinggi
Jalan raya ke kolam pancing	4.11	Tinggi
Ruang aduan dan informasi kepada pengunjung	4.11	Tinggi
Yuran memancing yang dikenakan	4.09	Tinggi
Papan tanda / peta lokasi ke kolam pancing	4.00	Tinggi
Tong sampah	3.12	Sederhana

Seterusnya, terdapat enam pernyataan kemudahan dan perkhidmatan di KPIMKL yang mencatatkan skor min pada skala ‘tinggi’, iaitu kedudukan dan lokasi kolam (4.12), kemudahan tandas (4.12), kemudahan jalan raya ke kolam pancing (4.11), kemudahan aduan dan informasi kepada pengunjung (4.11), yuran memancing yang dikenakan (4.09) dan kemudahan papan tanda / peta lokasi ke kolam pancing (4.00). Namun begitu, kemudahan tong sampah (3.82) menunjukkan skor min pada skala yang ‘sederhana’ sahaja.

Perbincangan


Menurut Birdsong et al. (2020), kepuasan adalah ganjaran yang diterima oleh pemancing rekreasi daripada pengalaman mereka. Kepuasan pemancing turut membentuk pilihan untuk peraturan, pematuhan terhadap peraturan dan tingkah laku pemancing secara umum. Untuk itu, pihak pengurusan perikanan rekreasi, iaitu dalam konteks kajian ini adalah pengusaha kolam pancing air masin adalah penting untuk memahami perkara yang mendorong kepuasan pemancing rekreasi. Arlinghaus (2006) menegaskan bahawa peningkatan tahap kepuasan pemancing rekreasi boleh mempengaruhi kunjungan mereka ke satu-satu destinasi memancing.

Tahap Kepuasan Skor Min ‘Sangat Tinggi’

Hasil kajian mendapati 10 pernyataan yang menunjukkan skor min berskala ‘sangat tinggi’. Ini menunjukkan responden yang datang memancing ke KPIMKL adalah ‘sangat berpuas hati’ dengan kemudahan dan perkhidmatan terpilih yang disediakan. Berdasarkan temu bual penyelidik bersama pengusaha kolam, aspek keselamatan, kebersihan serta kemudahan memang diberikan keutamaan di kolam ini;

Sebagai pemilik kolam, saya sangat menekankan aspek keselamatan, kebersihan dan kemudahan di kolam ini. Kami buat ini untuk memberikan kepuasan serta keselesaan kepada pengunjung.

(Pengusaha, 44 tahun)



a) Surau



b) Ruang meletak kenderaan



c) Gerai makan & minum



d) Ruang tempat memancing

Rajah 1: Kemudahan Terpilih yang Disediakan di KPIMKL

Kajian tahap kepuasan pemancing terhadap kemudahan kolam pancing air masin di Ko-Nelayan Laya-Laya, Tuaran turut menunjukkan beberapa kemudahan yang disediakan mencatatkan skor min ‘sangat tinggi’, antaranya bekalan air dan elektrik yang disediakan (4.52), pondok rehat (4.47) dan kaunter pembayaran (4.24). Rajah 1 menunjukkan foto beberapa kemudahan terpilih lain yang memberikan tahap kepuasan sangat tinggi kepada pemancing yang berkunjung ke KPIMKL.

Selain itu, aspek persekitaran yang bersih dan ceria serta jenis dan saiz ikan yang disediakan di kolam pancing ini turut memberikan kepuasan yang lebih tinggi kepada pemancing. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Arlinghaus (2006) dan Golden et al. (2019) yang menunjukkan keadaan lokasi memancing seperti kadar tangkapan ikan, nilai estetika persekitaran serta kualiti alam sekitar yang baik menyebabkan pemancing berpuas hati. Menurut Hunt et al. (2019), kualiti kemudahan yang disediakan, keluasan tempat memancing dan penyediaan persekitaran yang selesa cenderung mempengaruhi pilihan lokasi memancing oleh kebanyakan pemancing rekreasi. Ringkasnya, kajian terhadap tahap kepuasan pemancing jelas menunjukkan bahawa kerelevanan aspek kemudahan (utiliti) dan kepuasan yang dapat menerangkan tingkah laku pemancing mahupun aspek lain ini adalah penting kepada pembuat dasar (Birdsong et al. 2020).

Tahap Kepuasan Skor Min ‘Tinggi’

Terdapat enam pernyataan aspek kemudahan dan perkhidmatan di kolam pancing air masin ini yang merekodkan skor min ‘tinggi’ yang bermaksud pengunjung ‘berpuas hati’. Antaranya faktor kedudukan dan lokasi, kemudahan tandas dan papan tanda / peta lokasi serta yuran memancing yang dikenakan. Hasil kajian menunjukkan responden berpuas hati dengan kedudukan dan lokasi kolam pancing yang strategik. Ini dapat dikaitkan dengan profil pemancing yang mengunjungi KPIMKL yang didominasi oleh pengunjung ulangan, iaitu 82.9%. Hasil kajian ini berbeza dengan kajian oleh Jabil et al. (2020a) yang menunjukkan faktor lokasi menjadi motif paling utama berbanding 14 pernyataan lain yang disenaraikan dalam kajian motif responden untuk memancing di pinggir pantai Kota Kinabalu.

Seterusnya, berdasarkan pemerhatian penyelidik, kemudahan tandas dan penyediaan peta lokasi atau papan tanda di kolam pancing ikan marin ini memberikan kepuasan kepada pemancing rekreasi yang berkunjung ke KPIMKL. Berdasarkan temu bual penyelidik secara tidak langsung bersama salah seorang responden. Beliau menyatakan seperti berikut;

Saya rasa selesa dengan kemudahan tandas yang disediakan kerana bersih dan sentiasa terjaga. Bagi saya maklumat untuk ke sini juga adalah jelas kerana ada papan tanda disediakan.

(Responden 1, 25 tahun, Bugis)

Berkaitan dengan yuran memancing yang dikenakan didapati responden berpuas hati dengan kadar yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, kajian Jabil et al. (2020c) menunjukkan motif utama seseorang pemancing rekreasi menyertai pertandingan memancing adalah disebabkan oleh faktor minat diikuti untuk mengisi masa lapang dan menghilangkan tekanan kerja. Justeru, kadar yuran bukanlah prioriti ataupun suatu kerumitan bagi seseorang yang memiliki minat yang mendalam dalam aktiviti rekreasi ini.

Tahap Kepuasan Skor Min ‘Sederhana’

Hasil kajian menunjukkan hanya satu pernyataan yang menunjukkan kepuasan pengunjung pada tahap ‘sederhana’, iaitu kemudahan tong sampah dengan skor min 3.12. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, penyediaan tong sampah di beberapa kawasan kolam pancing dilihat masih sedikit dan tidak mencukupi, terutamanya semasa berlangsungnya pertandingan memancing di kolam air masin berkenaan. Pengunjung menghadapi sedikit masalah dalam memastikan sampah-sarap dibuang di tempat yang sepatutnya, apatah lagi bilangan pengunjung yang ramai semasa pertandingan memancing diadakan. Menurut Mustafa et al. (2007), kepuasan pelanggan merupakan kunci terhadap kejayaan sesebuah perniagaan kerana kepuasan terhadap aspek kemudahan dan perkhidmatan akan dinilai oleh pelanggan secara langsung dan tidak langsung. Oleh itu, untuk memastikan kualiti sesebuah kawasan premis perniagaan termasuk perusahaan kolam pancing terus terjaga, maka kemudahan seperti tong sampah seharusnya diberikan perhatian yang sewajarnya.

Kesimpulan

Memancing adalah prospek aktiviti rekreasi yang menjadi semakin popular sejak kebelakangan ini sebagai suatu trend mengisi masa lapang secara santai bersama rakan dan keluarga. Kewujudan perusahaan kolam pancing air tawar dan air masin sama ada secara semula jadi mahupun buatan manusia menjadi tumpuan mereka yang meminati aktiviti memancing rekreasi. Kolam Pancing Ikan Marin Ko-Nelayan Laya-Laya (KPIMKL) di Tuaran adalah unik kerana kolam air masin ini bukan sahaja menawarkan pelbagai jenis dan saiz ikan, terletak di lokasi yang strategik tetapi turut menawarkan perkhidmatan dan kemudahan yang lengkap dan baik. Kajian profil kunjungan pemancing rekreasi serta penelitian tahap kepuasan terhadap kemudahan dan perkhidmatan di KPIMKL membuktikan bahawasanya kebanyakan pengunjung sangat berpuas hati dengan kebanyakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Pengalaman dan dapatan ini mungkin berbeza dengan kolam pancing di lokasi yang berbeza, apatah lagi kolam air tawar dan kolam air masin turut berbeza dari segi kedudukan lokasi malah jenis ikan yang dipancing. Justeru, dapatan kajian ini adalah penting dan relevan, bukan sahaja kepada pengusaha pancing sedia ada, malah kepada mereka yang berminat untuk menjadi pengusaha pancing pada masa hadapan. Memandangkan penyelidikan tentang aktiviti memancing rekreasi masih terhad dan kurang di peringkat kebangsaan terutamanya di negeri Sabah, justeru hasil kajian ini adalah signifikan sebagai sumber dokumentasi dan literatur untuk rujukan pelbagai pihak sama ada pembuat dasar, pemaju mahupun penyelidik.

Penghargaan

Penghargaan Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1, 2015 yang bertajuk 'Pembentukan Kerangka Konseptual dan Model Pelancongan Memancing serta Saling Hubungannya dengan Industri Pelancongan'. Kod geran FRGS419 - SS -1/2105.

Rujukan

- Alias, M. A., N. A. Ahmad, M. A. Ahmad & F. H. Muhammad Safri. (2014). Sustainable approach of fishing tourism in Kenyir Lake. *Hospitality and Tourism*, 3-7.
- Arlinghaus, R. (2004). Recreational fisheries in Germany - A social and economic analysis. *Berichte Des IGB*, 18, 168.
- Arlinghaus, R. (2006). On the apparently striking disconnect between motivation and satisfaction in recreational fishing: The case of catch orientation of German Anglers. *North American Journal of Fisheries Management*, 26, 592-605.
- Arlinghaus, R., Cooke, S.J., Lyman, J. et al. (2007). Understanding the complexity of catch-and-release in recreational fishing: an integrative synthesis of global knowledge from historical, philosophical, social and biological perspectives. *Reviews in Fisheries Science*, 15, 75-167.
- Arlinghaus, R., Abbott, J. K., Fenichel, E. P., Carpenter, S. R., Hunt, L. M., Alós, J., Klefoth, T., Cooke, S. J., Hilborn, R., Jensen, O. P., Wilberg, M. J., Post, J. R. & Manfredi, M. J. (2019). Opinion: Governing the recreational dimension of global fisheries. *Proceedings of the National Academy of Sciences of the United States of America*, 116, 5209-5213.
- Arlinghaus, R., Aas, Ø., Alós, J., Arismendi, I., Bower, S., Carle, S., et al. (2021). Global participation in and public attitudes toward recreational fishing: International perspectives and developments. *Rev. Fish Sci. Aquac.*, 29, 58-95.

- Birdsong, M., Hunt, L.M. & Arlinghaush, R. (2020). Recreational angler satisfaction: What drives it? *Fish and Fisheries*, 22, 682-706.
- Creswell, J. W. & Creswell, J. D. (2017). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications.
- Demirci, S., Demirci, A., Arica, S.C & Özyılmaz, A. (2018). Economical potential of recreational fishing. *International Erdemli Symposium 2018*, Mersin, Turkey, 882-885.
- Ditton, R. B. & Hunt, K. M. (1996). *Demographics, Participation, Attitudes, Management Preferences and Trip Expenditures of Texas Anglers*. Technical Report HD-605. Report prepared for the Texas Parks and Wildlife Department. Department of Wildlife and Fisheries Sciences, Texas A&M University: College Station, TX.
- Elijah, Azrul Ekhuhan Othman, Mohd Shahwahid & Poh Lye Yong. (2011). Kajian ekonomi rekreasi memancing ikan di kolam pancing. In *16th Malaysian Forestry Conference: Forest for Community Livelihood*, 5-9 Dec. 2011, Melaka, Malaysia, 647-656.
- Elliot, J. (2004). Recreational and commercial fisheries allocation with costly enforcement. *American Journal of Agricultural Economics*, 75(5), 1183-1187.
- Golden, A. S., Free, C. M. & Jensen, O. P. (2019). Angler preferences and satisfaction in a high-threshold bucket-list recreational fishery. *Fisheries Research*, 220, 105364.
- Hall, C. M. & Page, S. J. (2006). *The Geography of Tourism and Recreational - Environment, Place and Space* (3rd edition). Routledge, London & New York.
- Hansen, A. S. (2020): Understanding recreational landscapes - A review and discussion. *Landscape Research*, 1-14.
- Hansen, A. S. (2018). The visitor: Connecting health, wellbeing and the natural environment. In Azara, I. (ed.), *Tourism, Health, Wellbeing and Protected Areas*. CABI Publishing, 125-137.
- Hunt, L. M., Camp, E., van Poorten, B. & Arlinghaus, R. (2019). Catch and non-catch-related determinants of where anglers fish: A review of three decades of site choice research in recreational fisheries. *Reviews in Fisheries Science & Aquaculture*, 27, 261-286.
- Ismail Mudin. (2007). *Potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin*. Tesis Sarjana - tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.
- Jabil Mapjabil, Mohd Azrin Mohamad Baharudin & Mohamad Pirdaus Yusoh. (2020a). Profil dan motif pemancing dalam aktiviti memancing rekreasi pantai di Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 4 (14), 1-10.
- Jabil Mapjabil, Mohd Zulhalmi Ibrahim & Mohamad Pirdaus Yusoh. (2020b). Penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam aktiviti memancing rekreasi laut dalam di Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 6 (18), 12-26.
- Jabil Mapjabil, Muhammad Aidil Mustafa Kamal, Mohd Zulhalmi Ibrahim & Mohd Jirey Kumalah. (2020c). Profil dan motif pemancing dalam pertandingan memancing peringkat tempatan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(30), 62-75.

- Kauppila, P. & Karjalainen, T. P. (2012). A process model to assess the regional economic impact of fishing tourism: A case study in Northern Finland. *Fisheries Research*, 127, 88-97.
- Koppen, G., Tveit, M. S., Sang, Å. O.& Dramstad, W. (2014b). The challenge of enhancing accessibility to recreational landscapes. *Norwegian Journal of Geography*, 68(3), 145-154.
- Mohd Azim Mohd Khatib. (2015). Sociological study of fishing themes commonly sought by recreational anglers. *International Journal of Humanities and Social Science*, 5(3), 217-225.
- Mohd Zulhalmi Ibrahim, Gusni Saat, Chan Ngai Weng, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin & Mohamad Pirdaus Yusoh (2015). Konsep, segmentasi dan potensi penyelidikan dalam pelancongan memancing di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 9-22.
- Morales-Nin, B., Arlinghaus, R. & Alós, J. (2021). Contrasting the motivations and wildlife-related value orientations of recreational fishers with participants of other outdoor and indoor recreational activities. *Front. Mar. Sci.*, 8, 714-733.
- Mustafa, Z. et al. (2007). Pengelasan atribut kualiti bagi meningkatkan kepuasan pelanggan. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis*, 3(1), 149-159.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Parkkila, K., Arlinghaus, R., Artell, J., Gentner, B., Haider, W., Aas, Ø., Barton, D., Roth, E. & Sipponen, M. (2010). Methodologies for assessing socio-economic benefits of European inland recreational fisheries. *EIFAAC Occasional Paper*, No. 46. Ankara, FAO. 2010.
- Pitcher, T. J. & Hollingworth, C. E. (eds.) (2002). *Recreational Fisheries: Ecological, Economic and Social Evaluation*. Blackwell Science, UK.